



**PEMBERITAHUAN
KEPADА PENERIMA FAEDAH / PENCEN PERKESO**

Salam Sejahtera,

Terlebih dahulu, pihak PERKESO ingin merakamkan rasa simpati ke atas apa yang telah berlaku kepada tuan/puan/keluarga dan demi mendokong prinsip keselamatan sosial, maka tuan/puan adalah berhak menerima bayaran faedah seperti yang termaktub dalam Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 & Peraturan-Peraturan (Am) Keselamatan Sosial Pekerja 1971.

Pihak PERKESO amat berbesar hati sekiranya tuan/puan dapat meluangkan masa untuk membaca kandungan pemberitahuan ini bagi tujuan memastikan proses pembayaran faedah kepada tuan/puan berjalan lancar dan teratur.

PERHATIAN :

1. Penerima faedah/pencen adalah bertanggungjawab untuk memaklumkan dan mengemukakan bersama dokumen yang berkaitan kepada Pejabat PERKESO yang berhampiran dengan kadar segera sekiranya berlaku perubahan status penerima faedah/pencen seperti berikut:

FAEDAH HILANGUPAYA KEKAL / PENCEN ILAT

<u>Penerima Faedah/Pencen</u>	<u>Perubahan Status</u>	<u>Dokumen/Maklumat Diperlukan</u>
▪ Penerima Faedah/Pencen	- Meninggal dunia	- Sijil kematian

FAEDAH ORANG TANGGUNGAN / PENCEN PENAKAT

<u>Penerima Faedah/Pencen</u>	<u>Perubahan Status</u>	<u>Dokumen/Maklumat Diperlukan</u>
▪ Balu / Duda ▪ Anak ▪ Ibu bapa ▪ Adik beradik	- Meninggal dunia/ berkahwin semula - Meninggal dunia / berkahwin sebelum mencapai 21 tahun / belajar di Peringkat Diploma dan Ijazah/ Cacat - Meninggal dunia - Meninggal dunia / berkahwin sebelum mencapai 21 tahun	- Sijil kematian / Sijil Kahwin - Sijil kematian/ Sijil Kahwin/ Pengesahan Belajar / Laporan Perubatan oleh Pakar - Sijil kematian - Sijil kematian/ Sijil Kahwin

LAIN-LAIN PERUBAHAN STATUS

<u>Penerima Faedah/Pencen</u>	<u>Perubahan Status</u>	<u>Dokumen/Maklumat Diperlukan</u>
▪ Anak /Adik	- Pertukaran Penjaga	- Borang Pengesahan Penjaga (Borang PKS(F)17), Salinan Kad Pengenalan Penjaga Baru, Maklumat Akaun Bank
▪ Anak	- Lahir Selepas Kematian Orang Berinsurans	- Borang Tuntutan (Borang 34) & Sijil Lahir Anak
▪ Penerima Faedah/Pencen	- Pertukaran Alamat	- Maklumkan alamat terbaru



AKUAN PENERIMAAN BORANG AKUAN PERATURAN 117 (BAGI TAHUN 2019)

(Untuk Diisi Oleh Penghantar/Pengirim)

Nama Orang Berinsurans / Simati :

No. Kad Pengenalan:

--	--	--	--	--	--

--	--

--	--	--	--

Alamat :

.....
.....
.....

.....

COP TARIKH TERIMA

MAKLUMAN :

1. Penerima faedah/pencen akan menerima Borang Akuan Peraturan 117 setahun sekali yang merupakan akuan pengesahan status diri/orang tanggungan.
2. Bagi pembayaran berkala 2019, semua penerima faedah/ pencen dikehendaki melengkapkan Borang Akuan Peraturan 117 disebabkan penyaluran maklumat kematian daripada Jabatan Pendaftaran Negara yang diterima sebelum ini tidak dapat diteruskan buat sementara waktu sehingga dimaklumkan.
3. Tuan/puan dikehendaki mengembalikan Borang Akuan Peraturan 117 yang lengkap dengan kadar segera untuk memastikan bayaran faedah/pencen bagi tahun berikutnya dikeluarkan dengan tepat.
4. Tuan/puan dikehendaki mengisi ruangan No.KPPN dengan No. Kad Pengenalan yang baharu sekiranya sebelum ini ruangan berkenaan hanya diisi dengan No. Kad Pengenalan lama atau No. Sijil Lahir atau dikosongkan.
5. Tuan/puan dinasihatkan untuk berurusan terus dengan mana-mana Pejabat PERKESO yang berhampiran untuk sebarang kemosyikilan. Elakkan daripada menggunakan khidmat orang tengah dalam sebarang urusan PERKESO.
6. Sila hubungi Pejabat PERKESO yang berhampiran sekiranya memerlukan maklumat lanjut.